

PERANAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN INSTITUSI KELUARGA: CABARAN PANDEMIK COVID 19

Nur Faezah Musthapar

Pelajar Pascasiswazah, Jabatan Fiqh dan Usul,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

Corresponding Author's Email: faezahmusthapar@gmail.com

Article history:

Received : 15 April 2021

Accepted : 28 May 2021

Published : 31 October 2021

ABSTRAK

Wanita kini menjadi aset penting dalam memajukan masyarakat dan menjadi tunjang utama kepada pembangunan keluarga. Wabak Covid 19 telah menyebabkan peningkatan kes keganasan rumah tangga dan penceraian yang telah menjejaskan sebahagian besar peranan wanita sebagai pengurus rumah tangga di negara ini. Maka, kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang peranan wanita sebagai pengurus rumah tangga dalam mendepani cabaran kekeluargaan ketika pandemik Covid 19. Kajian ini menggunakan metod kajian perpustakaan yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Seterusnya dapatan dan perbincangan utama tertumpu kepada peranan wanita sebagai isteri dan ibu rumah tangga merangkumi pengurusan pendidikan anak-anak, pengurusan kewangan, kesihatan fizikal dan mental serta pengurusan emosi demi membina sebuah keluarga sakinah, mawaddah dan rahmah. Justeru, melalui pemahaman terhadap cabaran wanita sebagai pengurus rumah tangga ini, semua lapisan masyarakat dapat memainkan peranan masing-masing agar kesejahteraan keluarga dapat ditingkatkan dan dipulihkan dalam menghadapi tekanan semasa norma baharu wabak Covid 19.

Kata Kunci: Peranan Wanita, Pengurus Rumah Tangga, Pembangunan Keluarga, Pandemik Covid 19

THE ROLE OF WOMEN IN THE DEVELOPMENT OF FAMILY INSTITUTIONS: THE CHALLENGES OF THE COVID 19 PANDEMIC

ABSTRACT

Nowadays, women are an important asset in advancing society and the mainstay of family development. The Covid 19 epidemic has led to an increase

in cases of domestic violence and divorce which has affected a large part of the role of women as household managers in this country. This study aims to discuss the role of women as household managers in facing family challenges during the Covid 19 pandemic. This study uses a library research method that uses a content analysis design. Therefore, the main findings and discussions focused on the role of women as wives and housewives, including the management of children's education, financial management, physical and mental health and emotional management in order to build a f sakinah, mawaddah and rahmah family. Thus, through an understanding of the challenges of women as household managers, all levels of society can play their respective roles so that family well-being can be improved and restored in the face of stress during the new norms of the Covid 19 epidemic.

Keywords: *The Role Of Women, Household Managers, Family Development, Covid 19 Pandemic*

PENGENALAN

Tema sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2021 iaitu 'Wanita Bangkit Mendepani Cabaran' sangat bertepatan dengan masa kini ekoran pelbagai cabaran dihadapi oleh golongan wanita. 'Wanita Bangkit Mendepani Cabaran' bukan sahaja dalam kerangka cabaran hak asasi tetapi untuk kembali kepada prinsip asas yang mengaitkan antara peranan, tanggungjawab dan hak wanita dalam aspek pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Cabaran semakin bertambah apabila kerajaan Malaysia mengumumkan Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah mengubah sebahagian besar rutin harian para isteri, lebih-lebih lagi bagi isteri bekerjaya. Perubahan rutin tersebut merangkumi pengurusan hal ehwal rumah tangga, rutin bekerja kepada bekerja dari rumah (*work from home*) dan rutin bersosial. Secara psikologinya, perubahan-perubahan tersebut telah mempengaruhi emosi wanita seterusnya memberi tindak balas yang berbeza ketika berinteraksi dengan ahli keluarga.

Sememangnya, peranan wanita sebagai tulang belakang institusi keluarga perlu terus diupayakan dan dalam masa yang sama hak mereka tidak boleh diketepikan. Hal ini berikutan susulan banyak isu ketidaksetaraan gender termasuk keganasan rumah tangga dan diskriminasi terhadap kaum wanita. Cabaran-cabaran tersebut telah menyebabkan banyak perubahan berlaku sehingga meruntuhkan institusi keluarga.

Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah, Datuk Dr. Mohd. Naim Mokhtar menjelaskan cabaran lebih besar kepada pasangan suami isteri untuk mengendalikan urusan rumah tangga ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) meskipun duduk di rumah bersama ahli keluarga. Justeru kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang peranan wanita dalam mendepani cabaran kekeluargaan ketika pandemik Covid 19.

TINJAUAN LITERATUR

1. Peranan Wanita Sebagai Pengurus Rumah Tangga

Wabak Covid 19 telah melanda seluruh dunia termasuklah negara Malaysia. Wabak tersebut telah menjejaskan aktiviti kehidupan seharian manusia. Aktiviti seharian tergendala akibat pergerakan yang terbatas setelah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia. Aktiviti ekonomi dan sosial bukan sahaja tertanggung malah terbatas sehingga dalam keadaan tertentu aktiviti terpaksa dibatalkan. Keadaan ini telah memberi kesan kepada semua golongan masyarakat.

Dalam berhadapan dengan situasi mencabar ini, sememangnya cabaran wanita juga semakin bertambah sebagai pengurus rumah tangga. Keadaan yang sangat mendesak pada situasi sebegini berlaku kerana wujudnya beban tugas baru di rumah tambahan pula dengan pelbagai beban tugas sedia ada. Ia merupakan suatu normal baharu bagi wanita atau ibu untuk untuk mula bekerja dari rumah (*work from home*), menguruskan pembelajaran sekolah anak-anak secara maya, mengurus keperluan suami dan penjagaan kesihatan keluarga daripada wabah Covid 19.

Hakikatnya, pandemik Covid 19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) membuatkan kita 'dipaksa' dan 'terpaksa' keluar daripada zon selesa dan rutin harian. Jika sebelum ini, rutin hidup dilalui dengan cara yang 'normal', kini banyak aktiviti yang terpaksa ditukar kaedah dan caranya seterusnya menjadi 'normal baharu' untuk seluruh masyarakat. Perubahan ini sangat memberi kesan terutama kepada wanita bekerjaya kerana rutin bersosial selalunya yang banyak membantu mereka melepaskan tekanan serta bebanan emosi yang ditanggung semasa menguruskan rumah tangga seharian.

Meskipun begitu, PKP secara tidak langsung telah memberi ruang kepada wanita untuk menjadi pengurus rumah tangga sepenuh masa di rumah. Antara peranan penting wanita dalam mendepani cabaran kehidupan berumah tangga ketika pandemik Covid 19 ialah:

2. Pendidikan Anak-Anak

Tanggungjawab wanita sebagai pembangun masyarakat bermula daripada didikan terhadap anak-anak itu sendiri. Peranannya sebagai ibu dalam mendidik anak-anak yang berakhlak mulia akan mampu melahirkan masyarakat yang baik. Wanita yang bergelar ibu merupakan sekolah pertama bagi pembentukan masyarakat dan negara. Hal ini kerana wanita mempunyai ciri-ciri keibuan dan kelembutan yang memudahkan anak-anak untuk menerima setiap apa yang diajar dan dididik.

Malah kesan pendidikan ibu inilah yang akan mencorakkan masa depan anak-anak sama ada menuju ke arah kebaikan atau keburukan. Asyraf Ab Rahman et.al (2010) mendapati bahawa ibu banyak mempengaruhi tingkah laku dan pemikiran anak-anak. Peranan wanita boleh merealisasikan

kecemerlangan keluarga kerana sifatnya yang lemah lembut, penyayang dan mudah bertolak ansur, sesuai dengan kejadian wanita itu sendiri.

Kini, situasi di kala pandemik Covid 19 telah memberi perubahan yang cukup besar pada diri mereka berbanding sebelumnya kerana fokus kini lebih diperlukan untuk mengawasi anak-anak belajar secara maya dari rumah. Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semua institusi pendidikan telah diarahkan untuk ditutup. Anak-anak tidak dapat untuk menghadiri sesi persekolahan atau sesi kuliah secara normal bersama guru atau pensyarah. Hal ini telah menyebabkan anak-anak berhadapan dengan sesi pembelajaran yang di luar kebiasaan mereka.

Situasi ini tidak hanya memberi kesan kepada ibu bapa tetapi juga anak-anak. Dari segi pendidikan, anak-anak tidak menerima hak untuk belajar dengan baik. Anak-anak tidak dapat mengatur waktu belajar dengan baik, susah untuk memahami pelajaran dan masalah capaian internet yang tidak menentu. Bahkan pembelajaran anak-anak di rumah sangat mempengaruhi kestabilan emosi mereka. Rasa rindu untuk ke sekolah dan ingin berjumpa rakan sekelas sangat memberi kesan kepada psikologi anak-anak. Maka Ni Wayan Ekayanti dan Dewa Ayu Puspawati (2020) menjelaskan kepada anak-anak ketika inilah peranan seorang ibu sangat diperlukan untuk mengendalikan emosi anak-anak.

Ini menuntut wanita sebagai isteri dan ibu menjadi *multi tasker* dalam mengurus rumah tangganya. Lebih-lebih lagi kepada wanita bekerjaya yang perlu bekerja dari rumah (WFH). Situasi sebegini menyebabkan ibu memainkan peranan penting dalam menjamin kelangsungan pembelajaran anak. Seorang ibu perlu sentiasa peka terhadap sebarang kelas secara atas talian yang perlu dihadiri oleh anak-anak, kerja sekolah yang diberi oleh guru malah seorang ibu juga perlu menyediakan bahan pembelajaran dan menyiapkan anak-anak untuk hadir ke kelas secara atas talian ini.

Selain itu, ada kalanya tugas seorang guru sewaktu pandemik ini juga telah diambil alih oleh para ibu. Segelintir daripada masyarakat, kemungkinan tidak berada dalam kawasan yang diliputi oleh capaian internet yang baik dan sebahagian yang lain pula terdiri daripada keluarga yang tidak atau kurang berkemampuan untuk memiliki pelbagai alat komunikasi seperti telefon pintar, komputer riba dan sebagainya. Di sini, para wanita yang bergelar ibu memainkan peranan mendidik anak-anak sekadar termampu agar mereka tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

Belajar dari rumah melalui pembelajaran jarak jauh menuntut para wanita untuk menjadi lebih aktif dalam mengawasi anak-anak dalam proses pembelajaran. Tambahan pula, Made Emy Andayani Citra dan Ni Luh Gede Yogi Arthani (2020) menjelaskan bahawa kewajipan pembelajaran secara maya dijadikan momentum untuk melatih kemandirian dan tanggungjawab anak dalam belajar. Kesannya, tumpuan lebih yang diberikan ibu inilah yang menyebabkan rumah tangga mampu bertahan dalam situasi masa kini.

3. Kewangan

Pandemik Covid 19 yang melanda negara kita sememangnya telah menjejaskan sumber pendapatan keluarga. Nasaruddin Parzi (2020) menjelaskan satu kajian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi menilai kesan Covid 19 kepada ekonomi masyarakat, telah mendapati bahawa 71.4 peratus bekerja sendiri mempunyai simpanan yang mampu bertahan dalam tempoh sebulan manakala 82.7 peratus penjawat swasta mempunyai simpanan kewangan mencukupi untuk tempoh dua bulan.

Ini membuktikan bahawa masyarakat tidak mempunyai simpanan kecemasan yang mencukupi sekiranya berlaku perkara di luar jangkaan yang berpanjangan. Malah Ketua Jabatan Pendidikan Kewangan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Nor Akmar Yaakub (2020) merumuskan bahawa pengurusan kewangan masih lemah kerana pendapatan kecil, perbelanjaan tidak teratur dan kurang motivasi serta disiplin. Ini dibuktikan lagi dengan Tinjauan Tingkah laku Kewangan AKPK 2018 (AFBes'18) menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan orang dewasa yang bekerja di negara ini masih berada pada tahap rendah.

Namun, sejak pandemik Covid 19, telah sedikit sebanyak mengubah stigma masyarakat akan kepentingan menabung dan memiliki simpanan ketika kecemasan atau luar jangka. Kaji Selidik Pasca Moratorium AKPK pada Ogos 2020 menunjukkan bahawa 29 peratus responden menggunakan duit moratorium untuk tujuan simpanan dan ini disokong oleh peningkatan peratusan simpanan serta deposit di Tabung Haji, Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), Bank Simpanan Nasional (BSN) serta Permodalan Nasional Bhd (PNB). Ini menunjukkan bahawa masyarakat mula menunjukkan kesedaran akan kepentingan simpanan terutamanya dalam tempoh menghadapi krisis seperti pandemik Covid 19.

Begitu juga peranan wanita dalam menguruskan kewangan keluarga yang terkesan dengan impak negatif Covid 19. Peranan ibu di sini boleh menjadi pemula yang penting untuk menggalakkan anak menabung ketika kecil, mengenai budaya cermat dan tidak berbelanja secara boros. Norma baharu menuntut amalan bekerja dari rumah, pembelajaran dalam talian dan duduk di rumah membantu mengurangkan perbelanjaan tertentu seperti kos perjalanan, sukan dan rekreasi, hiburan dan aktiviti sosial. Namun, perbelanjaan seperti bil air dan elektrik, barang runcit serta penghantaran makanan meningkat. Oleh itu, perlunya penilaian semula perbelanjaan dan penyelarasan belanjawan dengan memberi keutamaan kepada perbelanjaan penting.

Normal baharu ini menuntut ahli keluarga mengurangkan perbelanjaan yang tidak diperlukan untuk memastikan kekal berdaya tahan sewaktu kemelesetan ekonomi. Ini bukan bermakna masyarakat perlu mengeneipkan semua keselesaan hidup, terdapat pelbagai cara untuk mengecilkkan perbelanjaan tanpa perlu menjejaskan taraf hidup.

Antara langkah yang boleh dilaksanakan oleh isteri yang ingin membantu ekonomi suami yang terkesan dengan Covid 19 ialah membuat jualan dalam talian mengikut kepakarannya seperti menjual masakan menu tradisi istimewa

mahupun menjadi ejen ‘*dropship*’ produk berjenama. Selain itu, ibu boleh memasak sendiri hidangan berbanding memesan makanan melalui ‘*grab food*’. Tambahan lagi, dengan masa terluang yang ada sepanjang PKPB, ibu boleh menanam sayur-sayuran di kawasan rumah sebagai terapi minda menghilangkan stres. Selain menjimatkan perbelanjaan dapur serta sayur mudah dipetik kalau diperlukan, ia juga lebih sihat kerana bebas bahan kimia dan racun serangga.

Kesimpulannya, krisis pandemik menuntut kebijaksanaan untuk tidak terburu-buru membuat keputusan kewangan. Kemahuan dan disiplin yang tinggi dalam perancangan kewangan memudahkan para wanita atau ibu untuk bijak membantu kewangan ahli keluarga.

4. Kesihatan Fizikal Dan Mental

Wanita atau ibu juga berperanan dalam memberikan penerangan kepada ahli keluarga mengenai penjagaan kesihatan dan kebersihan daripada Covid 19. Mereka perlu lebih menitikberatkan soal penjagaan kesihatan dan kebersihan bagi mengelakkan jangkitan kepada ahli keluarga seperti penggunaan pensanitasi tangan dan amalan membasuh tangan dengan kerap. Selain itu, mereka juga berperanan menasihati ahli keluarga untuk sentiasa mengamalkan pemakaian penutup muka apabila keluar rumah, mengamalkan penjarakan sosial, hanya keluar rumah apabila adanya keperluan mendesak sahaja, mengajak anggota keluarga untuk hidup sihat seperti berolahraga bersama dan memasak makanan yang sihat demi memastikan kesihatan terjamin.

Begitu juga wanita atau ibu yang bertugas sebagai *frontliner* di mana situasinya telah berbeza apabila ingin bersama ahli keluarga. Mereka perlu membersihkan diri dan mengkuarantinkan diri sebelum bertemu keluarga. Pandemik Covid 19 turut menjejaskan kesihatan mental individu yang menjalani tempoh PKP dengan tinggal berseorangan ataupun berkeluarga susulan dari tekanan psikologi yang meliputi rasa takut (*fear*), cemas (*panic*), tertekan (*stress*), bimbang (*anxious*) dan murung (*depress*). Bahkan impaknya juga turut aspek dalaman psikologi dan kesejahteraan diri manusia.

Antara strategi daya tindak kepada kesihatan mental ialah penggunaan sosial media semasa pandemik boleh membantu mengawal tahap kesihatan mental (Abdul Rashid Abdul Aziz et.al, 2020). Weinstein (2018) menunjukkan masa yang diluahkan dalam media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Pinterest mampu memberikan sedikit kelegaan kepada pengguna apabila perkongsian yang dipaparkan adalah bermanfaat, menghiburkan serta mempunyai kandungan yang menarik.

Walaupun bagaimanapun, masa yang banyak diluahkan dalam media sosial juga memberi impak yang buruk kepada pengguna. Perkongsian dari Twenge dan Campbell (2019) mendapati bahawa pengguna yang meluahkan banyak masa melayari internet lebih terdedah dengan perasaan kurang gembira dan mempunyai cetusan idea untuk membunuh diri. Salah guna media sosial antaranya adalah dengan melepaskan perasaan tidak puas hati atau meluahkan emosi negatif. Sudah tentu ahli keluarga banyak meluahkan masa dengan media sosial di kala pergerakan terkawal. Oleh itu, dalam situasi sebegini, ibu

memainkan peranan penting untuk mengawal dan mengehadkan masa anak-anak dalam melayari internet dan media sosial.

Selain itu, komunikasi yang berkesan amat penting untuk menangani masalah kesihatan mental akibat tekanan yang dihadapi terutama ketika tempoh PKP berlangsung. Abdul Rashid Abdul Aziz et. al. (2020) menjelaskan komunikasi dua hala mampu memberi manfaat kepada pembentukan psiko-emosi seseorang. Pasangan yang bersikap terbuka, positif, berkasih sayang dan mempunyai rasa cinta akan membentuk rasa tenang dan lebih dihargai. Tidak dapat dinafikan, adalah amat sukar bagi sesetengah individu untuk membiasakan diri dalam norma baharu sepanjang tempoh PKP berlangsung. Keadaan ini memberi kesan kepada emosi dan tingkah laku individu jika tidak diurus dengan baik

Semangat kerjasama antara ahli keluarga untuk saling mengambil berat akan mengurangkan bebanan dan kesukaran semasa mengalami perjalanan menghadapi impak Covid 19. Bahkan, Abdul Rashid (2020) menyatakan bahawa dalam memastikan aspek kesihatan mental yang baik sepanjang tempoh penularan wabak ini, setiap individu disarankan agar berinteraksi dengan individu lain secara bersemuka atau dalam talian, memanfaatkan talian khidmat sokongan seperti MyCare Covid 19, e-kaunseling dan seumpamanya.

5. Pengurusan Emosi

Wanita perlu cerdik mengawal emosi kerana wanita akan memberi pengaruh kepada minda ahli keluarganya. Sebarang bentuk emosi yang dihadapi akan memberi kesan kepada perkembangan psikologi keluarga terutamanya anak-anak. Wanita perlu berfikir positif kerana tenaga positif yang dikeluarkan mampu dirasakan oleh ahli keluarganya secara keseluruhannya. Pengaruh ibu atau isteri dalam mendidik keluarga tidak dapat dinafikan dan pentingnya mereka menjadi 'model peranan' dalam keluarga.

Apatah lagi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan pada 18 Mac 2020, setiap individu menghabiskan masa di rumah bersama keluarga. Justeru, perubahan emosi dan tekanan yang dialami perlu diurus dengan baik. Sebagai wanita atau ibu, mereka perlu meneliti dan menyelidiki sebarang maklumat yang diterima di media sosial kerana ada maklumat berkaitan Covid 19 bertujuan untuk menakutkan orang awam dan meningkatkan keresahan masyarakat. Justeru peranan wanita memberi pengaruh kepada minda ahli keluarganya kerana maklumat yang diterima itu akan disalurkan kepada anak-anak.

Persediaan mental untuk mengawal emosi juga harus dititikberatkan di mana wanita atau ibu perlu lebih menekankan aspek rohani atau spiritual kepada ahli keluarga terutamanya anak-anak bahawa situasi yang berlaku kini adalah merupakan ujian Allah kepada hambaNya. Nor Haslina Hashim (2020) menjelaskan perasaan emosi yang sering terganggu akan menyebabkan tekanan psikologikal (*psychological distress*). Ianya akan mula mempengaruhi cara pemikiran, tingkah laku dan aktiviti harian seseorang individu. Tekanan psikologikal boleh mengakibatkan seseorang individu sentiasa mempunyai

pandangan negatif terhadap diri sendiri, orang lain atau pun persekitaran mereka. Kemurungan, kegelisahan dan kegagalan memberikan tumpuan sehingga menyebabkan tidak berminat lagi untuk melakukan aktiviti biasa yang sering dilakukan juga memberi kesan kepada mereka yang mengalami gangguan emosi. Justeru, kecerdasan emosi yang melibatkan aspek pengurusan dan hal ehwal berkaitan emosi akan membantu memulihkan semula keadaan seseorang.

Untuk menghindari, wanita atau ibu boleh memainkan peranannya dengan menasihati ahli keluarga agar mengalihkan perhatian mereka daripada menonton, membaca atau mendengar berita berkenaan Covid 19 terlalu kerap yang boleh menambahkan lagi kebimbangan dan ketakutan dalam diri. Konsep tawakkal dalam Islam kepada ahli keluarga perlu diberi penekanan agar sentiasa meletakkan seluruh pergantungan hanya kepada Allah SWT. Maka, jiwa akan sentiasa tenang dan emosi akan semakin pulih.

METODOLOGI

Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Pengumpulan data yang dilakukan dalam penelitian ini ialah dengan menggunakan metod perustakaan sama ada daripada buku-buku, jurnal-jurnal ataupun rujukan lain yang berkaitan dengan pembahasan kajian ini. Seterusnya data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan gambaran peranan wanita sebagai isteri dan ibu rumah tangga dalam mendepani cabaran kekeluargaan ketika pandemik Covid 19.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

1. Ilmu Pengetahuan

Islam memandang wanita dengan pandangan yang mulia kerana wanita diciptakan Allah SWT dengan pelbagai peranan yang tidak mampu dilakukan oleh lelaki. Pentingnya peranan wanita sehinggakan kisah mereka banyak dinukilkan di dalam al-Qur'an. Ketika dunia ditimpa musibah pandemik Covid 19, para wanita perlu belajar untuk bangkit dalam menempuhi segala kepayahan agar menjadi sumber kekuatan buat diri sendiri dan insan di sekeliling. Mereka memerlukan semangat, iltizam dan daya tahan yang tinggi supaya dapat bangkit mendepani segala rintangan, halangan dan cabaran yang ada di samping memerlukan dukungan yang kuat dari semua pihak.

Justeru, persiapan penting pada diri seorang wanita ialah persiapan ilmu. Persiapan ilmu inilah yang menjadi teras kekuatan untuk mencapai kecemerlangan dalam melaksanakan tugas sama ada dalam keluarga ataupun dalam masyarakat. Tanggungjawab sebagai ibu bukan semata-mata untuk mendidik anak berjaya dalam akademik semata-mata tetapi bagaimana untuk menyelamatkan keluarga supaya cemerlang di dunia dan akhirat.

Wanita terutama golongan suri rumah mempunyai 'kuasa luar biasa' dan merupakan insan penting dalam sesebuah institusi keluarga yang boleh

mempengaruhi isi rumah dalam pelbagai perkara. Husna et.al (2017) menjelaskan bahawa pengurus rumah tangga berperanan besar dalam membentuk dan membangunkan keluarga serta masyarakat Islam. Ini disokong oleh pandangan Ismahalil Ishak (2017) yang merumuskan bahawa wanita moden masa kini mempunyai tanggungjawab yang lebih besar terhadap kebajikan suami berbanding masa dahulu. Ironinya tiada siapa mampu menafikan sumbangan dan pengorbanan para wanita baik dalam membentuk keluarga yang bahagia mahupun kepada pembangunan masyarakat dan negara. Ini sejajar dengan Kamilia Ibrahim (2021) yang berpendapat bahawa wanita di negara ini sebenarnya telah berada dalam semua peringkat pembinaan negara bangsa termasuk dalam hal pembangunan institusi kekeluargaan.

2. Peranan Semua Pihak

Dalam hal ini, peranan dan kerjasama yang baik daripada suami amatlah diperlukan. Kerja-kerja menguruskan rumah tangga bukanlah tugas mutlak buat para isteri sahaja kerana masing-masing berperanan melengkapi antara satu sama lain. Justeru, perlunya pembahagian tugas-tugas rumah, jadual menguruskan anak-anak dan waktu rehat bagi kedua pihak disusun dengan baik. Ini akan memastikan kesinambungan rumah tangga berlangsung dengan harmoni dan berkekalan. Pengagihan tugas secara adil antara suami isteri adalah penting dan didokong dengan kesesuaian bidang tugas selari dengan keadaan fizikal mereka.

Peranan yang dimainkan oleh setiap pihak juga membantu para pengurus rumah tangga untuk lebih bertenang dan menempuhi norma baharu dengan jayanya (Masyitah Abd Majid, 2020). Bagi wanita bekerjaya, mereka boleh terus menyumbang secara produktif tanpa mengabaikan tanggungjawab asas mereka kepada keluarga. Shafezah Abdul Wahab (2021) memberi cadangan bahawa perlunya diwujudkan skim perkhidmatan yang lebih fleksibel dan penyediaan pusat penjagaan anak-anak. Hal ini kerana mengambil kira prinsip mendepani cabaran kini.

Dalam mendepani cabaran pandemik Covid 19, kekuatan dan kemampuan sebuah masyarakat dan negara dalam mengharungi norma baharu pasca pandemik ini bergantung kepada seberapa kuat dan harmoninya sebuah keluarga. Jika ketahanan dalaman keluarga kuat maka segala kesulitan dan musibah yang terjadi akan dapat dilewati dengan mudah kerana keluarga adalah bahagian penting dan asas kuat yang menjadi pemangkin tamadun sebuah bangsa. Mualimin Mochammad Sahid et.al (2020) mendapati bahawa keluarga yang mengamalkan ajaran daripada al-Qur'an dan hadith akan menghasilkan struktur keluarga yang kuat dalam mendepani segala keadaan. Ini menunjukkan bahawa keluarga yang mempunyai kekuatan jiwa adalah keluarga yang sentiasa mengamalkan ajaran Islam dalam rumah tangga.

Selain itu, pihak kerajaan perlu memastikan adanya bantuan kepada wanita dalam mendepani situasi kini terutamanya dari segi bantuan khusus kepada wanita yang berhadapan dengan masalah rumah tangga, kehilangan pekerjaan dan kemurungan dalam menjalani kehidupan sosial. Putu Sekarwangi

Saraswati dan Nengah Susrama (2020) menjelaskan bahawa pihak kerajaan perlu memberikan penekanan dan kesedaran kepada para wanita tentang pengurusan keluarga ketika pandemik Covid 19 bagi memastikan kesejahteraan keluarga.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sentiasa berusaha memperkasakan institusi kekeluargaan di negara ini untuk kekal berdaya tahan menghadapi cabaran masa depan khususnya semasa dan selepas pandemik Covid 19. Skor keseluruhan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) 2019 menunjukkan peningkatan 0.39 mata iaitu 7.72 berbanding 7.33 pada tahun 2016 dan masih kekal pada tahap sederhana.

Sistem sokongan yang komprehensif memerlukan penglibatan semua pihak termasuk agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), swasta dan orang perseorangan untuk saling membantu keluarga yang memerlukan bantuan. Pihak kementerian (KPWKM) menyediakan khidmat sokongan dalam membantu menangani isu tekanan emosi di Talian 15999 secara 24 jam. Selain itu, Inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara pula menyediakan Bantuan Khas Ibu Tunggal. Inisiatif ini bertujuan untuk membantu mengurangkan beban kewangan ibu tunggal untuk meneruskan kehidupan.

Untuk terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara di samping melindungi diri daripada terdedah kepada jangkitan Covid 19, kerajaan mengalakkan wanita yang bekerja dari rumah memanfaatkan sepenuhnya kepesatan teknologi komunikasi di era revolusi 4.0 ini. Untuk terus produktif, majikan juga telah mengambil inisiatif untuk memberikan kebenaran waktu kerja anjal dan sistem penggiliran jadual kerja antara suami dan isteri yang mempunyai anak kecil (LPPKN, 2020). Justeru, kerajaan komited melindungi institusi keluarga yang terkesan dengan Covid 19 melalui memberi perlindungan, sokongan emosi dan khidmat kaunseling bagi membina semula kekuatan keluarga agar lebih cekal dalam menghadapi cabaran pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Rumusannya, wanita sebagai pengurus rumah tangga perlu lebih bersedia dari segi mental dan fizikal untuk berhadapan dengan apa jua situasi yang bakal dihadapi dalam mengharungi tempoh PKP dan pasca PKP nanti. Peranan mendidik generasi dan kerjasama semua pihak perlu diperhebatkan lagi untuk menjadikan wanita sebagai penyumbang pembangunan negara. Justeru, sempena Hari Wanita pada tahun 2021 yang bertemakan “Wanita Bangkit Mendepani Cabaran”, wanita perlu bangkit memperkasakan diri sendiri dengan ilmu dan berani menghadapi pelbagai cabaran sama ada dalam dan luar rumah untuk mencapai sebuah rumah tangga sakinah, mawaddah dan rahmah.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Aziz et.al. 2020. Wabak Covid-19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu. *International Journal of Social Science Research*. Vol. 2, No. 4, 156-174.
- Astro Awani. (5 Mac 2021). Akibat cemburu, isteri ditembak mati sebelum disumbat dalam tong dan ditanam. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/akibat-cemburu-isteri-ditembak-mati-sebelum-disumbat-dalam-tong-dan-ditanam-286335>
- Asyraf Hj Ab Rahman, Wan Ibrahim Wan Ahmad dan Zainab Ismail. (2010). Peranan Wanita dalam Pembangunan Keluarga dari Perspektif Fi Zilal Al-Quran. *Journal of Governance and Development*. 14-21.
- Ayu Dian Andriyani & I Gusti Agung Sri Rwa Jayantini. (2020). Perempuan Dan Pesan Di Media Sosial Pada Masa Pandemicovid-19: Analisis Strategi Kesantunan. *Prosiding Webinar Nasional Peranan Perempuan/Ibu Dalam Pemberdayaan Remaja Di Masa Pandemi Covid-19*. 1-6.
- Bernamea. (7 November 2020). Covid-19: Peranan ahli keluarga penting lindungi famili, komuniti. <https://www.sinarharian.com.my/article/108949/BERITA/Nasional/Covid-19-Peranan-ahli-keluarga-penting-lindungi-famili-komuniti>
- Bernamea. (7 November 2020). Semua berperanan lindungi keluarga daripada Covid-19. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/11/639100/semua-berperanan-lindungi-keluarga-daripada-covid-19>
- Del Boca et.al. (2020). Women's and men's work, housework and childcare, before and during COVID-19. *Rev Econ Household*. 18:1001–1017
- Gusti Ayu Diah Yuniti & Listihani. (2020). Menengok Peran Perempuan Sebagai Orang Tua Dalam Pemberdayaan Remaja Ditengah Pandemi Covid-19. *Prosiding Webinar Nasional Peranan Perempuan/Ibu Dalam Pemberdayaan Remaja Di Masa Pandemi Covid-19*. Universitas Mahasaraswati Denpasar. 26-29.
- Ismahalil Ishak (2017). Peranan Wanita Dalam Institusi Keluarga. 1-12.
- Kamilia Ibrahim. (7 November 2020). Iktiraf peranan wanita dalam pembinaan negara bangsa. <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2021/02/782101/iktiraf-peranan-wanita-dalam-pembinaan-negara-bangsa>.
- Kate Power. (2020). The COVID-19 pandemic has increased the care burden of women and families. *Sustainability: Science, Practice And Policy*. Vol. 16, No. 1, 67–73
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). (11 Julai 2020). Lindungi hak dan kesihatan wanita dan gadis. <https://www.lppkn.gov.my/index.php/en/features/64-siaran-media>
- Luh Ketut Sri Widhiasih. (2020). Peran Ibu Bali Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Di Masa Pandemi Covid-19. *Prosiding Webinar Nasional Peranan*

- Perempuan/Ibu Dalam Pemberdayaan Remaja Di Masa Pandemi Covid-19. Universitas Mahasaraswati Denpasar.* 61-70.
- Made Emy Andayani Citra, Ni Luh Gede Yogi Arthani. (2020). Peranan Ibu Sebagai Pendamping Belajar Via Daring Bagi Anak Pada Masa Pandemi Covid-19. *Prosiding Webinar Nasional Peranan Perempuan/Ibu Dalam Pemberdayaan Remaja Di Masa Pandemi Covid-19. Universitas Mahasaraswati Denpasar.* 71-79
- Masyitah Abd Majid. (2020). Realiti Dan Cabaran Pengurus Rumah Tangga Semasa Pkp. *Kertas Perspektif.* 1-15.
- Media Baharu. (13 Mac 2021). Perkasa Peranan Wanita. <https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/25966-perkasa-peranan-wanita-pm>
- Mek Wok Mahmud (2014). *Hak-Hak, Penglibatan dan Tanggungjawab Wanita Islam.* Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia. 1-114
- Mek Wok Mahmud, Amilah Awang Abd Rahman dan Asmak Hussin (2014). *Ilmuwan Wanita Islam: Globalisasi dan Hak Wanita.* Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia. 1-221
- Mohd Nasaruddin Parzi. (31 Oktober 2020). Pengurusan kewangan lemah punca gagal menyimpan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/748282/pengurusan-kewangan-lemah-punca-gagal-menyimpan>
- Mualimin Mochammad Sahidi, Hasnizam Hashimii & Fettane Amar. Prinsip Keluarga Islam Mendepani Norma Baharu Semasa Pandemik Covid-19. Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia
- Ni Wayan Ekayanti & Dewa Ayu Puspawati. (2020). Peran Orang Tua dalam Mendidik Anak Di tengah Pandemi Covid-19. *Prosiding Webinar Nasional Peranan Perempuan/Ibu Dalam Pemberdayaan Remaja Di Masa Pandemi Covid-19. Universitas Mahasaraswati Denpasar.* 90-96.
- Nor Haslina Hashim. (27 Januari 2020). Tekanan psikologikal sewaktu COVID-19: Emosi, usaha membendung dan konsep tawakal. <https://news.uthm.edu.my/ms/2020/06/tekanan-psikologikal-sewaktu-covid-19-emosi-usaha-membendung-dan-konsep-tawakal/>
- Norsiah Abdul Hamid. (27 Januari 2021). PdPR : Apa Peranan Ibu Bapa?. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1926022>
- Rahima Dahlan. (2 April 2020). Peranan ibu bapa terhadap anak semasa PKP. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/peranan-ibu-bapa-terhadap-anak-semasa-pkp-236366>
- Sekarwangi Saraswati & I Nengah Susrama (2020). Peran Perempuan Dalam Keluarga Untuk Melindungi Serta Pemenuhan Hak Anak Dimasa Pandemi Covid-19. *Prosiding Webinar Nasional Peranan Perempuan/Ibu Dalam Pemberdayaan Remaja Di Masa Pandemi COVID-19. Universitas Mahasaraswati Denpasar.* Fakultas Hukum. Universitas Mahasaraswati. 131-138.
- Shafezah Abdul Wahab. (17 Mac 2021). Wanita Mampu Mendepani Cabaran. <https://www.sinarharian.com.my/article/128810/KHAS/Pendapat/Wanita-mampu-mendepani-cabaran>

- Siti Haliza Yusop. (2 Februari 2021). Iktiraf peranan wanita dalam pembinaan negara bangsa. <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2021/02/782101/iktiraf-peranan-wanita-dalam-pembinaan-negara-bangsa>
- Siti Nur Husna Abd Rahman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim dan Muhammad Adnan Pitchan. (2017). Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam. *Journal of Sosial Science and Humanities*. vol. 12/3. 1-16.
- Siti Zailah Mohd Yusoff. (8 Jun 2020). Wanita adalah 'Suri Ummah'. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/06/08/wanita-adalah-suri-ummah-zailah/>
- Twenge, J.M., & Campbell, W.K. (2019). *Media Use Is Linked to Lower Psychological Well-Being: Evidence from Three Datasets*. *Psychiatry*, 90, 311–331. <https://doi.org/10.1007/s11126-019-09630-7>